

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]**

**TARIKH : 10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara berstatistik dengan memberikan senarai penuh sekolah-sekolah SJKC dan SJKT yang telah menerima peruntukan penyelenggaraan (daripada RM50 juta masing-masing untuk SJKC dan SJKT) daripada Kerajaan pada tahun ini dengan jumlah yang telah diterima oleh setiap sekolah tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan dan fasiliti yang lengkap kepada semua sekolah tanpa mengira aliran bagi menyediakan suasana pembelajaran yang selamat dan selesa kepada semua murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2020, KPM telah diluluskan peruntukan penyelenggaraan sebanyak RM800 juta, termasuk RM50 juta untuk penyelenggaraan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan RM50 juta untuk penyelenggaraan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Namun demikian, sejumlah RM223.3 juta daripada keseluruhan peruntukan tersebut telah dikenakan waran sekatan oleh Kementerian Kewangan.

Oleh itu, agihan terkini peruntukan penyelenggaraan untuk SJKC adalah sebanyak RM46.57 juta dan SJKT sebanyak RM46.41 juta. Perincian adalah seperti berikut:

- a) 311 SJKC berstatus Sekolah Kerajaan sebanyak RM26.91 juta;
- b) 291 SJKC berstatus Sekolah Bantuan Kerajaan sebanyak RM19.66 juta;
- c) 118 SJKT berstatus Sekolah Kerajaan sebanyak RM7.66 juta; dan
- d) 221 SJKT berstatus Sekolah Bantuan Kerajaan sebanyak RM38.75 juta.

Saya juga ingin merujuk jawapan KPM bagi pertanyaan Jawab Lisan pada 16 November 2020 mengenai perkara yang sama. Adalah dimaklumkan bahawa penyaluran peruntukan penyelenggaraan berjumlah RM89.67 juta kepada SJKC dan SJKT adalah sebelum mengambil kira waran sekatan oleh Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga telah menerima peruntukan Pakej Ransangan Ekonomi (PRE) 2020 sebanyak RM100 juta. Peruntukan ini adalah bagi penyelenggaraan kecil sekolah seluruh negara dan penyediaan peralatan serta bahan seperti alat pengimbas suhu badan, pensanitasi tangan dan sabun pencuci tangan yang mencukupi untuk warga sekolah susulan penularan pandemik COVID-19.

Sekian, terima kasih.